

Pemansuhan UPSR: Kesiediaan Guru Bahasa Melayu Tahun Enam Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (Abolition Of UPSR: Readiness Of Sixth Year Malay Language Teachers In Implementing Classroom Assessment)

Ashma Said¹, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad^{1*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: munaruzanna@ukm.edu.my

Accepted: 15 February 2023 | Published: 1 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.15>

Abstrak: *Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang telah dilakukan oleh KPM telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan warga pendidik, ibu bapa dan juga murid. Rentetan pemansuhan UPSR ini, secara tidak langsung pentaksiran bilik darjah menjadi keutamaan di dalam penilaian murid tahun 6. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesiediaan guru Bahasa Melayu tahun enam terhadap pemansuhan UPSR dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kes yang melibatkan dua orang guru. Kaedah temu bual dan analisis data telah dilakukan untuk mengumpul data. Hasil dapatan menunjukkan guru-guru berpengetahuan dan bersedia untuk melaksanakan PBD setelah pemansuhan UPSR. Kesimpulannya, guru bahasa Melayu tahun enam perlu melaksanakan PBD dengan lebih baik, telus dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan untuk memastikan pentaksiran yang dijalankan telus dan berkualiti.*

Kata kunci: Pemansuhan UPSR, pentaksiran, Bahasa Melayu, Pentaksiran Bilik Darjah, kesiediaan guru

Abstract: *The abolition of the Primary School Assessment Test (UPSR) conducted by MOE has provoked various reactions among educators, parents and students. This string of UPSR abolition, indirectly brings the classroom assessment is a priority in the assessment of the year 6 students. The aim of this research was to identify the readiness of the year sixth Malay Language teachers towards the abolition of the UPSR in the implementation of the Classroom Assessment (PBD). The findings showed that teachers are knowledgeable and ready to implement PBD after the abolition of UPSR. In conclusion, the year sixth Malay Language teacher should implement the PBD better, transparently and in accordance with the guidelines set to ensure that the assessment is of good quality.*

Keywords: Abolition of UPSR, Assessment, Malay language, Classroom assessment, Teacher readiness

1. Pengenalan

Peperiksaan dapat ditakrifkan secara umumnya sebagai satu kaedah untuk melihat pencapaian seseorang murid terhadap sesuatu kemahiran atau mata pelajaran yang telah dipelajarinya

secara formal. Seseorang murid itu boleh diukur keupayaan dan kemampuannya terhadap kemahiran yang telah dipelajarinya melalui satu kaedah iaitu peperiksaan.

Pada tahun 1988, sudah diwujudkan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk mengganti Penilaian Darjah Lima. Bentuk soalan bagi subjek Matematik pada tahun 1995 pula diperkenalkan dengan soalan yang berbentuk subjektif. Penilaian juga berubah sedikit pada tahun 2001 dengan mengambil kira tugas sekolah bagi setiap calon. Selain itu, amali sains juga telah dimasukkan beserta subjek Sains di bagi peperiksaan UPSR. Kertas Bahasa Inggeris telah dibahagikan kepada dua kertas iaitu bahagian pemahaman dengan dua bahagian, iaitu section A (objektif) manakala section B (subjektif) diikuti juga kertas penulisan pada tahun 2016. Pada tahun 2016, adalah calon yang pertama diperkenalkan dengan sistem KSSR dan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS). Pada tahun yang sama juga, bentuk-bentuk soalan UPSR telah diimplementasikan dengan komponen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan soalan subjektif bagi soalan Bahasa Melayu Pemahaman iaitu bahagian B manakala soalan Bahasa Inggeris pemahaman di section B juga. Oleh yang demikian, bagi peperiksaan UPSR, telah diambil kira dengan mengikut keputusan keseluruhan 4A atau 6A untuk lulus penuh setelah beberapa kali berlakunya perubahan.

Pada tahun 2011, PBS dan penilaian sekolah berdasarkan kertas peperiksaan UPSR telah diperkenalkan bermula di tahun satu sehinggalah tahun enam bagi murid-murid sekolah rendah. Walau bagaimanapun, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) serta Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mencapai kata sepakat untuk mengambil 100 % pencapaian daripada peperiksaan UPSR. Rentetan itu, PBS pula tidak dijalankan sepenuhnya yang telah dibuat bermula tahun 2011. Hal ini berikutan bagi melihat prestasi murid bagi kemahiran asas di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan juga Sains mengikut Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Seterusnya, Penilaian Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR) pada tahun 2018 telah diperkatakan akan menggantikan UPSR. Namun demikian, UPSR merupakan satu daripada empat komponen yang penting di dalam PPSR. KPM dan LPM melakukan ini sebagai satu pembaharuan dalam membuat penilaian bagi murid-murid tahun enam di sekolah rendah. Walau bagaimanapun, isu sejangkit iaitu pandemik COVID-19 telah menular dengan meluasnya pada tahun 2020, sekaligus memaksa pihak KPM telah membuat keputusan untuk memansuhkan UPSR sekaligus Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) bermula pada tahun 2021 dan akan ada penilaian yang baharu untuk digunakan bagi menggantikan UPSR dan PT3.

2. Pernyataan Masalah

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah dijalankan sepenuhnya di dalam kurikulum yang telah disusun sebagai KSSR pada tahun 2018 bagi memastikan penaksiran dijalankan setelah pemansuhan sistem peperiksaan dimansuhkan. Tambahan lagi, baru-baru ini peperiksaan UPSR juga telah dimansuhkan sepenuhnya bagi murid tahun enam. Bagi melaksanakan PBD yang berkesan, guru bertanggungjawab dalam melaksanakan PBD. Golongan yang akan menjalankan perancangan pdp yang berimpak tinggi dalam pelaksanaan PBD ialah seorang guru ketika di dalam kelas KPM (2018). Walaupun sedemikian, telah timbul isu-isu dalam pelaksanaan PBD di sekolah rendah mengikut tahap kesediaan bagi pelaksanaan PBD setelah pemansuhan UPSR iaitu dalam kalangan guru bahasa Melayu telah dikenalpasti. Permasalahan yang timbul di dalam kajian ini dengan melihat tahap kesediaan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru bahasa Melayu di sekolah rendah.

Terdapat guru tidak memahami, salah tanggapan dan ragu-ragu dalam pelbagai sudut dalam pentaksiran termasuklah objektif pelaksanaan, teknik melaksanakan pentaksiran, melakukan pemerhatian, merekod dan mencatat dapatan, mentafsir dapatan yang diperoleh dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan pdp di dalam kelas menurut Arsaythamby et al. (2015). Kajian Fakhri dan Mohd Ishak (2016) menyatakan bahawa guru-guru telah didapati tidak yakin dalam amalan menjalankan pentaksiran walaupun guru-guru telah diberikan pendedahan berkaitan pentaksiran. Kajian berkaitan kesediaan guru-guru bahasa Melayu di sekolah rendah dalam menjalankan PBD selepas pemansuhan UPSR belum pernah dikaji. Hai ini kerana pemansuhan UPSR baru sahaja dimansuhkan ketika pandemik COVID-19 melanda negara kita. Kajian tentang PBD bagi mata pelajaran lain banyak dijalankan sebelum ini. sehubungan dengan itu, kajian ini telah dirancang untuk mengetahui serta menentukan kesediaan guru-guru bahasa Melayu di sekolah rendah dari pelbagai sudut seperti pengetahuan guru, sikap, kesediaan serta kecekapan guru-guru bahasa Melayu terhadap pelaksanaan PBD bagi pdp Bahasa Melayu selepas pemansuhan UPSR pada tahun 2021.

3. Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti kesediaan guru-guru bahasa Melayu tahun enam bagi pelaksanaan pentaksiran selepas pemansuhan UPSR dilakukan.

4. Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan mengenai kesediaan guru-guru bahasa Melayu tahun enam bagi melaksanakan pentaksiran di dalam kelas selepas pemansuhan UPSR dengan memberi penekanan terhadap objektif yang berikut :

- 1) Menenalpasti tahap pengetahuan guru-guru bahasa Melayu tahun enam berkaitan dengan PBD.
- 2) Menenalpasti tahap kesediaan guru di dalam aspek pentaksiran bagi pelaksanaan PBD.

5. Tinjauan Literatur

Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang diumumkan oleh menteri kanan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan pelbagai tanggapan dan reaksi dalam kalangan warga pendidik dan juga ibu bapa. UPSR yang telah diwujudkan sekian lamanya didapati tidak memberikan manfaat terhadap perkembangan pendidikan murid. Di usia 12 tahun, anak-anak telah diasingkan mengikut potensi untuk dinilai melalui UPSR. Pemansuhan UPSR yang telah diumumkan, perlu dicakna dengan perkara yang penting iaitu pelaksanaan PBD diperkasakan sepenuhnya bagi meningkatkan kualiti ketekalannya terutama di dalam pelaksanaan pentaksiran tersebut.

Pemansuhan UPSR dilihat sebagai satu kelegaan dalam meringankan beban murid dan juga guru. rentetan pemansuhan ini, murid akan lebih menumpukan pelajaran tanpa memikirkan peperiksaan yang boleh menyebabkan mereka tertekan dengan menghabiskan silibus dengan masa yang singkat. Pemansuhan UPSR juga tidak lagi membebankan guru yang lebih bekerja keras untuk membuat kelas-kelas tambahan demi selepas sesi persekolahan dan sebagainya. Terdapat juga guru-guru memanfaatkan masa selepas bekerja atau dihujung minggu untuk melakukan tugas yang lain yang berkaitan dengan pdp atau aktiviti lain. kenyataan ini disokong dengan kajian Butt dan Lance (2005), Gunter et al. (2005). Memandangkan pemansuhan UPSR

masih baharu, tidak ada lagi kajian berkaitan pemansuhan UPSR sebaliknya kajian berkaitan guru dan peperiksaan ada dikaji.

Pengetahuan guru adalah kunci kejayaan yang utama dalam persiapan kesediaan dalam merancang sesuatu hal berkaitan pdp. Kajian-kajian lepas telah menunjukkan kenyataan ini seperti Nixon (1974) dan Fraser (1982) yang telah disentuh oleh Saharudin (1996) telah membuktikan, guru-guru yang mempunyai pengetahuan mendalam telah menunjukkan kesediaan yang tinggi berdasarkan pencapaian malahan kejayaan dalam proses pdp. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada kemahiran dan juga kecekapan guru dalam penguasaan pengetahuan bagi menerangkan sesuatu dengan jelas dan boleh difahami. Noriah (2005) dalam kajian telah menyatakan bahawa profesion keguruan ini adalah satu profesion yang tidak menentu bagi waktu bekerja dan waktu tidak bekerja. Ditambah lagi dengan kajian Usman (2006) menuntut guru menjadi pendidik yang sentiasa bersedia dengan mempelbagaikan kepakaran, kecekapan, kerelaan, kemahuan serta komitmen di dalam bidang keilmuan yang pelbagai bagi dunia pendidikan yang semakin mencabar era ini.

Penguasaan berkaitan dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sangat penting dalam kalangan guru bahasa Melayu bagi menilai tahap penerimaan murid dalam pembelajaran. Oleh yang demikian, guru bahasa Melayu perlu bersiap sedia dari segi pengetahuan, kemahiran serta sikap dalam menjalankan PBD secara berterusan sepanjang pdp dijalankan. kesediaan guru bahasa Melayu bagi menjalankan PBD dalam pdp perlu diberi perhatian yang sewajarnya bagi memastikan PBD dilaksanakan dengan penuh komitmen. Seseorang guru yang telah bersedia mengajar dapat memahami sesuatu pembelajaran dan mengalami dengan lebih mendalam sebelum menyampaikan ilmu pengetahuan terhadap murid-murid. Oleh yang demikian, guru-guru harus bersedia sepanjang masa untuk menghadapi sebarang perubahan yang akan terjadi tetapi masih mengekalkan tujuan yang asal.

Atef Al-Tamimi & Munir (2010) menyatakan kajiannya bahawa kesediaan dan kesanggupan dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru dapat menghasilkan pdp yang berkesan. kesediaan guru dalam menjalankan PBD dalam pdp perlu diambil berat bagi mencapai tujuan yang dirancang. Di dalam hal ini, kemahiran guru itu sangatlah penting bagi melaksanakan PBD di dalam kelas menurut Aniza (2014). Tambahan lagi, beberapa kajian yang dijalankan menunjukkan adanya guru yang masih salah tanggapan tentang kesediaan melaksanakan pentaksiran ini. Kenyataan ini telah dipersetujui dan sesuai mengikut kajian yang dijalankan oleh Senin & Asri (2019). Oleh itu, guru yang kurang mahir di dalam pelaksanaan pentaksiran berada dalam situasi tidak bersedia untuk melaksanakan pentaksiran kerana kesediaan guru itu adalah suatu perkara yang penting bagi keberkesanan dalam pelaksanaan seiring dengan perubahan kurikulum yang dilakukan. Perkara ini dinyatakan dalam kajian Mukhtar et al. (2016)

6. Metodologi Kajian

6.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian menunjukkan tentang struktur logik sesebuah kajian. Ia menunjukkan berkaitan data yang dimahukan, sumbernya daripada siapa dan juga bagaimana akan menjawab semua persoalan kajian yang dinyatakan. Pengkaji telah menetapkan di dalam kajian ini untuk menggunakan pendekatan kualitatif untuk tujuan pengumpulan data dan analisis data. Penyelidikan kualitatif dapat memberikan satu menyokong seseorang penyelidik untuk mendalami dan mendapatkan maklumat secara terperinci bagi perkara yang akan dikaji (Braun & Clarke, 2013). Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kes. Penyelidik telah

menetapkan untuk menggunakan kaedah kajian kes untuk mengetahui kesediaan guru bahasa Melayu melaksanakan PBD selepas UPSR dimansuhkan. Kajian kes telah dipilih oleh pengkaji kerana kaedah ini dapat membantu pengkaji untuk menghuraikan secara mendalam lagi berkaitan setiap penceritaan, perbualan dan maklumat yang diberikan oleh guru-guru yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan PBD. Kajian kes dapat membimbing dan membantu para penyelidik untuk membuat perbandingan penceritaan yang dilakukan oleh setiap peserta kajian menurut Patton (2014).

6.2 Populasi kajian

Pengkaji telah memilih dua orang guru sebagai sampel kajian yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan PBD tahun enam. Dua orang guru itu ialah guru bahasa Melayu tahun enam. Lokasi kajian dijalankan di daerah Tuaran.

6.3 Sampel kajian

Sebelum pengkaji memulakan kajian, pengkaji perlu mengambil kira populasi serta sampel kajian. Mengikut kajian ini, pengkaji telah menggunakan pensampelan tidak rawak iaitu pensampelan bertujuan. Pensampelan bertujuan ialah prosedur pensampelan yang merangkumi hanya sekumpulan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu dan dipilih sebagai peserta kajian dalam sesebuah kajian. Menurut Sharif dan Sulaiman (2018) sampel yang dipilih mengikut pengetahuan dan tujuan kajian yang khusus dan tidak semestinya semua peserta kajian dalam populasi akan dipilih sebagai sampel.

6.4 Instrumen kajian

Pengkaji menyediakan soalan-soalan temu bual jenis semi berstruktur bagi menemubual sampel kajian untuk mendapatkan data. Soalan jenis berstruktur ini berdasarkan soalan-soalan yang dirangka oleh pengkaji. Soalan-soalan tersebut akan berdasarkan kesediaan guru dalam melaksanakan PBD. pengkaji juga menggunakan temu bual mengikut tema.

7. Dapatan Kajian

Dapatan kajian daripada temu bual bersama dua orang peserta kajian yang terlibat dalam kesediaan guru bahasa melayu tahun enam dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah setelah pemansuhan UPSR telah diperolehi untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti tahap pengetahuan guru-guru bahasa Melayu tahun enam berkaitan dengan PBD dan mengenalpasti tahap kesediaan guru di dalam aspek pentaksiran bagi pelaksanaan PBD sejajar dengan persoalan kajian yang dinyatakan. Beberapa item temu bual telah dijalankan untuk melihat tahap pengetahuan dan kesediaan guru dalam pelaksanaan pentaksiran PBD selepas pemansuhan UPSR.

Profil peserta kajian yang telah terlibat dalam kajian ini adalah seperti di jadual 1:

Jadual 1: Profil peserta kajian

PESERTA KAJIAN	OPSYEN	JANTINA	PENGALAMAN MENGAJAR (Bahasa Melayu)	UMUR
1	Bahasa Melayu	P	13 Tahun	51
2	Bahasa Melayu	P	33 Tahun	56

Berdasarkan Jadual 1, terdapat dua orang guru dijadikan sebagai peserta kajian. Kedua-dua peserta kajian merupakan guru opsyen bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Peserta kajian 1 adalah guru yang berpengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu sekurang-kurangnya 10 tahun dan peserta kajian 2 berkhidmat selama 33 tahun. Di dalam kajian ini juga, peserta kajian adalah guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah gred A luar bandar dan gred B luar bandar. Secara rasionalnya, pemilihan peserta kajian dengan pelbagai latar sekolah dan juga pengalaman dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mendalam tentang kesediaan guru dalam melaksanakan PBD selepas pemansuhan UPSR. Selain itu, peserta kajian yang terdiri daripada latar belakang yang pelbagai membolehkan pengkaji mendapatkan data yang terbaik dan bermakna untuk memenuhi objektif serta menjawab semua persoalan kajian

7.1 Mengenalpasti Tahap Pengetahuan Guru-Guru Bahasa Melayu Tahun Enam Berkaitan Dengan Pbd.

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama, iaitu Apakah tahap pengetahuan guru-guru bahasa Melayu tahun enam berkaitan dengan pelaksanaan PBD, pengkaji memperoleh data melalui hasil temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Melalui analisis data kajian tersebut, pengkaji telah menggunakan tiga tema bagi mengenalpasti tahap pengetahuan guru bahasa Melayu tahun enam berkaitan dengan PBD. Tema-tema tersebut ialah dokumen standard PBD, peningkatan profesionalisme guru dan pembudayaan amalan kolaboratif. Perincian bagi tema ditunjukkan melalui jadual 2.

Jadual 2 Senarai kategori, tema dan sub tema mengenalpasti tahap pengetahuan guru bahasa Melayu tahun enam berkaitan dengan PB

Jadual 2: Senarai kategori, tema dan subtema

Kategori	Tema	Sub Tema
Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tahun enam berkaitan dengan PBD	a. Dokumen Standard PBD	▪ RPH ▪ Templat pelaporan PBD/Rekod transit
	b. Membudayakan amalan kolaboratif	▪ Guru mata pelajaran BM ▪ Guru Cemerlang ▪ Panitia Bahasa Melayu

Berdasarkan jadual 2, terdapat beberapa pandangan yang telah diberikan oleh peserta kajian. Kajian berkaitan mengenalpasti tahap pengetahuan guru bahasa Melayu tahun enam berkaitan dengan PBD. Untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas tentang tema yang diperoleh, pengkaji menghuraikan setiap tema berdasarkan temu bual, catatan pemerhatian dan analisis dokumen,

a. Dokumen standard PBD

Dapatan temu bual bersama peserta kajian mengatakan bahawa dokumen standard berkaitan dengan PBD ada disediakan. Bermula dengan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan templat atau borang pelaksanaan PBD ada disediakan setiap kali menjalankan PdP.

“... kami semua guru ada disediakan semua dokumen standard yang perlu kalau mau buat PBD. bermula dari Rph yang dibuat sebelum masuk ke kelas. Kalau pada hari itu mahu jalankan pentaksiran, tulislah dalam rph tu akan jalankan pbd....macam tu lah selalu...”

[PK : 1]

b. Membudayaan Amalan Kolaboratif

Kolaboratif adalah satu elemen yang sangat penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru dan prestasi murid-murid. Guru-guru yang membudayakan amalan kolaboratif ini dibentuk melalui kerjasama guru-guru dalam menganalisis pencapaian murid, perkongsian ilmu pedagogi, meningkatkan kaedah pdp. Kenyataan ini disokong oleh DuFour, R. (2006).

Dapatan kajian diperoleh melalui temubual berkaitan dengan mengenalpasti tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tahun enam berkaitan dengan pbd dalam membudayakan amalan kolaboratif. kolaboratif dalam kalangan guru-guru seperti guru mata pelajaran, guru cemerlang dan panitia Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam mengenal pasti pengetahuan guru berkaitan pelaksanaan PBD.

“...borang-borang pentaksiran macam template pentaksiran atau rekod transit termasuklah senarai nama murid wajib ada disediakan. Lepastu masukkan lah ke dalam fail guru mata pelajaran. Begitulah rutin setiap kali buat PBD di dalam kelas..kadang-kadang kalau ada pelawat biasanya mereka mahu tengok cara guru tu merekod di borang transit atau isi template pelaporan...”

[PK:1]

“ ... tambahan juga, ketua panitia atau guru cemerlang banyak membantu dalam pelaksanaan PBD, memberikan idea atau pendapat satu-satu perkara berkaitan PBD...merekalah akan memberikan kekuatan kepada kami guru tahun 6 agar tidak lagi berpegang kepada standard UPSR..”

[PK:2]

Tringulasi data berdasarkan analisis dokumen rancangan pengajaran harian peserta kajian yang didapati selari dengan objektif pembelajaran yang telah dicatat di rph. Isi pelajaran yang ditulis sesuai dengan objektif pembelajaran yang dirancang.

Rumusan

Dapatan kajian telah menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu mengenalpasti tahap pengetahuan guru-guru Bahasa Melayu tahun enam berkaitan dengan pbd. sebagai rumusannya, tahap pengetahuan guru-guru Bahasa Melayu berkaitan dengan PBD ialah guru mengetahui tentang penyediaan dokumen standard PBD semasa menjalankan pentaksiran di dalam kelas. Selain itu, membudayakan amalan kolaboratif juga dilihat banyak membantu guru-guru Bahasa untuk lebih mengetahui secara mendalam tentang pentaksiran PBD ini kerana setiap individu mempunyai kemahiran, kecekapan dan kepakaran yang berlainan. Menerapkan amalan kolaboratif ini perlu diambil berat untuk peningkatan pdp yang berkualiti.

7.2 Menenalpasti Tahap Kesian Guru Di Dalam Aspek Pentaksiran Bagi Pelaksanaan Pbd

Jadual 3 Senarai kategori, tema dan sub tema Menenalpasti tahap kesediaan guru di dalam aspek pentaksiran bagi pelaksanaan pbd.

Jadual 3: senarai kategori, tema dan subtema

Kategori	Tema	Sub Tema
Menenalpasti tahap kesediaan guru Bahasa Melayu tahun enam di dalam aspek pentaksiran bagi pelaksanaan pbd..	a. Peningkatan profesionalisme guru	- Bersifat terbuka - Yakin & Peka
	b. Perancangan pentaksiran	Kenal pasti tahap murid

-
- merujuk objektif pdp
 - pentaksiran dan penilaian secara bertumpu
-

Berdasarkan jadual 3, dapatan kajian seterusnya bagi persoalan kajian kedua iaitu Apakah tahap kesediaan guru di dalam aspek pentaksiran di dalam pelaksanaan PBD, menjawab persoalan kajian ini, pengkaji memperoleh data melalui temu bual.

a. Peningkatan Profesionalisme Guru.

Bagi melihat kredibiliti seorang guru, nilai yang menjadi keutamaan ialah profesionalisme yang ditonjolkan. Seorang guru yang mempunyai sikap profesionalisme yang baik menunjukkan diri seseorang individu itu berkualiti dalam bidang yang diceburi. Oleh yang demikian, guru perlulah sentiasa peka, bersedia dan memahami apa jua perubahan dari segi dasar di dalam sistem pendidikan. dapatan ini jelas diperoleh dari catatan temu bual bersama peserta kajian [PK : 1].

“...Begini, kami guru-guru sudah diberikan taklimat, kursus, menjalankan PBD secara berkumpulan dan lain-lain lagi. Guru-guru juga telah dibimbing sepenuhnya oleh pegawai PPD yang berkaitan dengan PBD. Cara pelaksanaan, dokumen standard yang penting seperti borang transit/borang penilaian TP dan RPH juga kami ada diajar. Rasanya tidak ada masalah di sini untuk guru menjalankan PBD...lagi-lagi sekarang UPSR dimansuhkan kan”

[PK : 1]

b. Bersifat Terbuka

Dapatan kajian tentang mengenalpasti tahap kesediaan guru di dalam aspek pentaksiran bagi pelaksanaan PBD dengan peningkatan profesionalisme guru. guru yang bersifat terbuka dapat menerima arahan ataupun teguran dengan hati terbuka. Dapatan kajian dapat dilihat dengan jelas petikan temu bual bersama peserta kajian [PK: 2]

“... sebenarnya dengan pemansuhan UPSR ini, sedikit sebanyak memberikan perubahan dalam pendidikan. kita sebagai guru haruslah bersikap terbuka dengan apa jua perubahan dan kalau boleh tingkatkan lagi profesionalisme kita sebagai seorang guru...”

[PK: 2]

c. Yakin Dan peka

Dapatan kajian berkaitan mengenalpasti tahap kesediaan guru di dalam aspek pentaksiran bagi pelaksanaan pbd dinyatakan melalui temu bual bersama peserta kajian [PK:2]. Guru-guru yang bersifat yakin dan peka dengan persekitaran dapat meningkatkan profesionalisme guru-guru.

“...Secara jujur, tidak bersetuju...tapi saya berfikir positif untuk hal ini kerana mungkin keperluan untuk berubah ke arah peperiksaan perlu dihapuskan. Jadi murid-murid lebih berdaya saing sesama mereka untuk dapatkan PBD yang terbaik jika PBD ini diperkasakan selepas pemansuhan UPSR...”

[PK : 2]

Rumusan

Dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD bagi pelaksanaannya jelaslah bahawa guru-guru Bahasa Melayu sentiasa bersedia dengan apa jua perubahan yang berlaku dalam pendidikan. profesionalisme guru dapat ditingkatkan dengan adanya sifat keguruan yang jati dan menjalankan pdp Bahasa Melayu tanpa adanya penolakan. Begitu juga dengan perancangan pentaksiran yang dilakukan oleh guru menunjukkan guru-guru akan sentiasa bersedia sebelum memulakan apa jua aktiviti atau

penilaian. Pemansuhan UPSR tidak menjadikan guru-guru Bahasa itu leka tetapi lebih bersedia menjalankan pentaksiran di dalam bilik darjah.

8. Perbincangan

Secara kesimpulannya, semua peserta kajian yang terlibat telah melaksanakan PBD sejajar dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak KPM. Semua peserta kajian melaksanakan PBD secara teratur, mengikut prosedur, merekod pentaksiran sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta kajian selepas pemansuhan UPSR dibuat. Walaupun UPSR telah dimansuhkan, guru masih boleh menilai murid-murid bahkan dengan menggunakan pentaksiran ini dapatlah menilai murid-murid secara holistik. Menurut Yan & Cheng (2015) dalam kajiannya ada menyatakan bahawa PBD itu haruslah aktiviti pentaksiran yang berterusan untuk mengukur kefahaman murid berdasarkan kemahiran yang dipelajari. Jika sebelum ini, murid-murid tahun ini diukur melalui peperiksaan UPSR tidak mematahkan semangat guru-guru untuk lebih komited menilai melalui pentaksiran PBD.

Keseluruhannya, guru-guru Bahasa Melayu tahun enam telah melaksanakan pentaksiran PBD seperti yang diarahkan oleh pihak KPM. Guru-guru Bahasa Melayu mengikut etika pentaksiran bermula dari dokumen sehinggalah ke peringkat meningkatkan sikap professional sebagai seorang guru. Panduan diberikan sebelum menjalankan pentaksiran bermula dokumen standard sehinggalah rancangan pengajaran harian yang perlu disediakan setiap hari. Guru-guru perlu bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting sebagai pelaksana dasar yang diarahkan ataupun sebarang program di bawah KPM. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberikan impak yang tinggi kepada semua guru Bahasa Melayu tahun 6 khususnya untuk lebih mendalami pentaksiran PBD ini untuk menggantikan UPSR yang telah dimansuhkan dengan penilaian yang memuaskan semua pihak termasuklah murid dan ibu bapa yang semestinya masih gusar selepas UPSR dimansuhkan. Pemansuhan UPSR dianggap akan memberikan kesan kepada penilaian prestasi anak-anak mereka dan tidak memahami lagi matlamat pentaksiran PBD. tambahan lagi, diharapkan pihak KPM dapat membantu guru-guru Bahasa bagi peningkatan kemahiran di dalam pelaksanaan PBD ini secara berterusan.

9. Rumusan

Secara kesimpulannya, dalam sistem pendidikan pasti akan berlakunya perubahan dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan kemenjadian anak-anak bangsa. Pendidikan di Malaysia tidak terkecuali turut membuat perubahan untuk memansuhkan peperiksaan bagi murid tahun 6 iaitu UPSR dan PT3 bagi murid tingkatan 3. Tujuan KPM melaksanakan dasar baharu ini tentunya dapat memberikan penilaian secara holistik dan bukannya semata-mata peperiksaan atau gred. Seiring dengan perubahan yang dijalankan, pihak KPM mengharapkan agar guru-guru dan komuniti di luar dapat menerima dengan baik dan membantu proses perubahan ini. PBD tidak dapat dilaksanakan jika guru-guru tidak bersedia dengan pengetahuan yang secukupnya berkaitan dengan pentaksiran ini. oleh yang demikian, guru-guru telah diberikan bimbingan dan panduan dalam pelaksanaan PBD agar ianya berjalan lancar serta dilakukan secara telus penilaiannya.

Rujukan

Annisah, Agus, A. A., Ramzy, F. Z. & Machdum, S. V. 2020. Sebuah Persimpangan dalam Mengelola Intervensi Sosial pada Dua Level Praktik: Refleksi dari Implementasi Kegiatan Pemberdayaan Masyarakat An Intersection in Managing Social Interventions at

- Two Levels of Practice : A Reflection on the Implementation of C. *Jurnal PKS* 19: 76–92.
- Arumugham, K. S. 2020. Kurikulum, Pengajaran Dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal (APJ)* 3(1): 152–161. doi:10.37231/apj.2020.3.1.175
- Ezwafahmey Ahmad Kusaini. 2018. Tahap Kesiapan Guru Cemerlang Bahasa Melayu Terhadap Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional Di Sekolah Menengah Di Negeri Melaka. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM* 8(Mei): 63–73.
- Fadilla, L. & Zamri, M. 2019. Tahap Pengetahuan, Kesiapan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44(1): 37–44.
- Fakhri, A. K. & M. Isa, A. 2016. Isu Kesiapan Guru dalam Amalan Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Teacher Readiness Issues in Implementing School-based Assessment. *EDUCATUM – Journal of Social Science* 2(January): 1–7.
- Fara Izzati Marnizam & Siti Rahaimah Ali. (2017). Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Dalam Kalangan Guru Matematik Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 11: 2.
- Fullan, M. G. (1993). Why teachers must become change agents. *Educational Leadership*, 50(6), 12-17
- Gredler, M. E. (1999). Classroom Assessment and Learning, ERIC
- Guskey, T. R. (2015). Mastery learning.
- Halimah Jamil & Rozita Radhiah Said. 2019. Pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan Bahasa melayu dalam pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu - JPBM* 9(2): 25–36.
- Kamaruzaman, N. I. & Alias, A. 2020. Hubungan Antara Pengetahuan dengan Sikap Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Terhadap Pembelajaran Kolaboratif. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies* 1(1).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Khairani, D. 2021. Implikasi Teori Belajar E.Thorndike (Behavioristik) Dalam Pembelajaran Matematika. *Jurnal Basicedu* 5(2): 2247–2255. Retrieved From <https://Jbasic.Org/Index.Php/Basicedu>
- Ling, G. J. & Omar, I. M. 2022. Kesiapan Guru Arus Perdana Dan Keberkesanan Progam Pendidikan Inklusif Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Di Ampang, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 9(1): 44–55.
- Mohamad Hanapi, M. H., Zakaria, N. & Muner, S. 2021. Tahap Kesiapan Guru Sekolah Rendah Di Daerah Klang, Selangor Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Dari Aspek Pengetahuan. *International Journal Of Modern Education* 3(9): 01–08. Doi:10.35631/Ijmoe.39001
- Mohd Rasdi bin Saamah. 2015. Kesiapan Guru-guru Sekolah Rendah Melaksanakan Perubahan Bahasa Pengantar Mata Pelajaran Sains dan Matematik. *Risikesdas* 2018 3(1982): 103–111.
- Muhammad Atiullah Othman & Indriaty Ismail. 2016. Pengetahuan sebagai Elemen Tanggungjawab Manusia menurut Perspektif Islam Knowledge as An Element of Human Responsibility from the Islamic Perspective. *Islamiyyat* 38(1): 65–70. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3801-07>
- Nahar, Naquiah & Safar, Jimain. (2018). Penguasaan Pengetahuan Kandungan (Content Knowledge): Pemangkin Keterampilan Pedagogi Jawi Berkesan Abad Ke-21

- Nasution, U. & Casmini, C. 2020. Integrasi Pemikiran Imam Al-Ghazali & Ivan Pavlov Dalam Membentuk Prilaku Peserta Didik. *INSANIA : Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan* 25(1): 103–113. doi:10.24090/insania.v25i1.3651
- Noor Haslinda, S. (2019). Penggunaan Protokol Temu Bual Dalam Menghasilkan Dapatan Kajian Kualitatif Yang Berkualiti: Satu Perkongsian Pengalaman. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 2(Liamputtong 2014), 97–112.
<http://103.8.145.246/index.php/jrk/article/view/9433>
- Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. 2018. Kesediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 6(3): 22–31.
- Rahman, N. B. A. 2015. Tahap Kesediaan Terhadap Pembelajaran Arahan Kendiri Dan Hubungannya Dengan Jenis Psikologi Pelajar Kolej Komuniti Di Pulau Pinang.
- Ramanan, B. & Mohamad, M. A. 2021. Kesediaan Guru Luar Bidang Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Inggeris Dalam Bilik Darjah (April 2018).
- Ramlah Ab. Khalid, Jamil Ahmad & Analisa Hamdan. (2015). Pembentukan Sikap Positif Guru Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Pentaksiran. *Journal of Personalized Learning*, 1(1), 77-84
- Rubin, H.J. & Rubin, I.S. 2011. Qualitative interviewing: The art of hearing data. Third Edition. London: SAGE Publications.
- Senin Khamis & Asri Selamat. (2019). The Use of Feedback in the Classroom Assessment: A Case Study. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(3), 325-334
- Suppian, Z., Hasnida Che Md Ghazali, N., Junainah Mohd Isa, N., Govindasamy Fakulti Pembangunan Manusia, P., Kunci, K., Pelatih, G. & Bilik Darjah, P. (2020). Penilaian Kendiri Guru Pelatih Terhadap Tahap Kemahiran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) (Pre-service Teachers' Self-Perceived Skills in Classroom Assessment). *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(4): 98–106. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Tajudin, A., & Abdullah, N. (2018). Kesediaan guru sains sekolah rendah terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 8(1), 82-97
- Yan, Z., & Cheng, E. C. K. (2015). Primary teachers' attitudes, intentions and practices regarding formative assessment. *Teaching and Teacher Education*, 45, 128-136

1.